

1981

BATU PAHAT, 14 APRIL (BERNAMA) — KERAJAAN AKAN MENEKANKAN KEPADA PERUSAHAAN BERAT SUPAYA IA TIDAK BERGANTUNG KEPADA NEGARA NEGARA BARAT BAGI KEPERLUAN INDUSTRI ASAS DI NEGARA INI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, BANYAK PERUSAHAAN BERAT SAPERTI PEMBINAAN KILANG-KILANG BESI, KAPAL, KERETAPI DAN SENJATA API AKAN DIBINA.

DALAM USAHA TERSEBUT KERAJAAN MEMERLUKAN PEKERJA-PEKERJA YANG BERSEMANGAT BERTA YANG TIDAK MENGENAL PENAT LELAH UNTUK MENJAYAKAN INDUSTRI TERSEBUT KATANYA KETIKA MERASMIKAN KONVENSYEN EKONOMI BUMIPUTERA DAN EXPO PENCAPAIAN EKONOMI BUMIPUTERA ANJURAN KERAJAAN NEGERI DAN UMNO NEGERI DI KAMPUNG KENANGAN DATUK ONN DI SINI HARI INI.

PERUSAHAAN TERSEBUT KATANYA LAGI BERTUJUAN MEMEBABASKAN NEGARA DARI TEKANAN NEGARA-NEGARA ASING BAGI KEPERLUAN INDUSTRI ASASNYA.

SELAIN DARIPADA ITU KERAJAAN JUGA INCIN MENINGKATKAN LAGI PENGLIBATAN KAUM BUMIPUTERA DI BIDANG PEMBINAAN.

—BERSAMBUNG 1622/AN

B549  
MAHATHIR 2 BATU PAHAT

DALAM HUBUNGAN TERSEBUT SATU USAHA RAKSASA UNTUK MENGAMBIL PEKERJA PEKERJA BUMIPUTERA DALAM BIDANG PEMBINAAN AKAN DAPAT DILAKSANAKAN APASILA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA DIDIRIKAN DI JOHOR BARU KELAK.

BELIAU MENJELASKAN UNIVERSITI TERSEBUT AKAN DIDIRIKAN DENGAN MENGGUNAKAN TENAGA BUMIPUTERA DARI PERINGKAT YANG TERBAWAH SEHINGGA KE PERINGKAT YANG SETINGGI-TINGGINYA.

KATANYA MEREKA AKAN DIMASUKKAN DALAM SATU KEM DAN AKAN TINGGAL SEBAGAI SATU PASUKAN YANG DIBERI LATIHAN DAN SETERUSNYA MEMBINA UNIVERSITI TERSEBUT.

MAJU ATAS TIDAK PEMBINAAN BANGUNAN UNIVERSITI TERSEBUT BERGANTUNG KEPADA PEKERJA-PEKERJA TERSEBUT.

—BERSAMBUNG 1624/AN

MAHATHIR 3 BATU PAHAT

KATANYA KEJAYAAN ATAU KEGAGALAN MEREKA DALAH JUGA UKURAN KEJAYAAN ATAU KEGAGALAN PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU DALAM MENINGKATKAN PENGLIBATAN KAUM BUMIPUTERA DALAM BIDANG TERSEBUT.

BELIAU MEMBIDAS GULONGAN-GOLONGAN YANG SENTIASA MENKRITIK DASAR EKONOMI BARU KERAJAAN.

KATANYA DASAR EKONOMI BARU BUKAN DIBENTUK UNTUK KEPENTINGAN SESUATU KAUM ATAU SESEORANG TETAPI UNTUK KEPENTINGAN NEGARA.

+JIKA TERDAPAT TUMPUAN KEPADA BUMIPUTERA INI BUKAN BERMAKNA MEREKA MEMPUNYAI KEISTIMEWAAN LUAR BIASA TETAPI MERUPAKAN KAUM YANG JAUH KETINGGALAN KEBELAKANGAN+ TEGASNYA.

KATANYA SELEPAS NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN BUMIPUTERA YANG MERUPAKAN 51 PERATUS PENDUDUK HANYA MEMILIKI SATU PERATUS SAHAJA DARI KEKAYAAN NEGARA.

MENGENAI EXPO TERSEBUT BELIAU BERKATA ADALAH WAJAR BAGI KERAJAAN MENGADAKANNYA UNTUK MENGUKUR KEJAYAAN YANG TELAH DICAPAI DAN JUGA KEGAGALAN YANG DIALAMI DALAM MELAKSANAKAN DASAR EKONOMI BARU.

—BERNAMA 1627/AN

9551:

MAHATHIR 4 BATU PAHAT

SEBELUM ITU MENTERI BESAR TAN SRI HAJI OTHMAN SAAD BERKATA, EXPO TERSEBUT DILANCARKAN BERTUJUAN UNTUK MENDEDAHKAN SEGALA ASPEK PENCAPAIAN BUMIPUTERA DI NEGERI INI.

IA JUGA BERTUJUAN MENDEDAHKAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH ORANG-ORANG MELAYU.

BELIAU MELAHIRKAN RASA KESAL TERHADAP SETENGAH-SETENGAH USAHAWAN BUMIPUTERA YANG TELAH MENGALIBABAKAN LESEN DAN PERMIT-PERMIT YANG DIBERI OLEH KERAJAAN.

KATANYA ORANG-ORANG 'SEPERTI' INILAH YANG TELAH MENGANIAYA HAK-HAK, PELUANG-PELUANG DAN MASA DEPAN BANGSA MELAYU. —

BERSAMBUNG 1617/A1

MAHATHIR 5 BATU PAHAT

KATANYA, DALAM PENGALAMAN KERAJAAN DAN AGENSI-AGENSINYA TERDAPAT BANYAK PERUSAHAAN YANG DIKENDALIKAN OLEH KAUM BUMIPUTERA TIDAK MAMPU BERGIAT TANPA SOKONGAN DARI KERAJAAN.

TUJUH KERTAS KERJA, DI ANTARANYA MENGENAI PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR PERTANIAN DAN PERIKANAN TERNAKAN DAN DASAR PENTADBIRAN DAN MASALAH PERUMAHAN DI DALAM NEGERI DIBENTANGKAN DI KONVENSYEN TERSEBUT. — BERNAMA 1632/A1